

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS**

**RANCANGAN PERNIAGAAN**

**ASAS KEUSAHAWANAN  
ETR 300**

**DE' RATNA COLLECTION**

**DI SEDIAKAN UNTUK :**

**ENCIK MOHD ZAIN IDRIS  
TUTOR ASAS KEUSAHAWANAN  
ITM CAWANGAN PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**AHMAD NAJIB AHMAD KAMIL  
AHMAD TAJUL JUHAR  
AZLIZA AZMI  
NORATIKAH HABSAH MOHD HANUM  
ROSE ZAIHANI MAT ZAIN**

**96217517  
96849527  
96234108  
96676337  
96669882**

46 / 60

**DIPLOMA PERAKAUNAN  
SEMESTER 05**

**TARIKH PENYERAHAN  
26 SEPTEMBER 1998**

## ***ISI KANDUNGAN***

SURAT PENGESAHAN	i
SURAT PENYERAHAN	1
SECANGKIR KATA	3
LOGO	5
KETERANGAN LOGO	6
PERJANJIAN PERNIAGAAN	7
PENGENALAN	9
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	11
LATAR BELAKANG SYARIKAT	12
LATAR BELAKANG PEKONGSI	13
LOKASI	18

### **RANCANGAN PENTADBIRAN**

Matlamat Organisasi	22
Strategi Organisasi	24
Struktur Organisasi	26
Senarai Kakitangan Pengurusan	27
Senarai Lengkap Jawatan Dan Spesifikasi Tugas	28
Imbuhan Balas Jasa Dan Insentif Pekerja	31
Susun Atur Ruang Pejabat	33
Senarai Keperluan Pejabat	34
Jadual Perbelanjaan Pentadbiran	35

### **RANCANGAN PEMASARAN**

Pengenalan Rancangan Pemasaran	36
Penerangan Produk	37
Sasaran Pasaran	40
Saiz Pasaran	41
Pesaing-pesaing	44
Ramalan Jualan	47
Strategi Pemasaran	49
Jadual Perbelanjaan Pemasaran	52

### **RANCANGAN OPERASI**

Pengenalan Rancangan Operasi	53
Carta Aliran Proses	54
Penerangan Carta Operasi	56
Aspek Teknikal	57

Rancangan Kapasiti Pengeluaran	70
Rancangan Operasi	
Tahun Pertama	72
Tahun Kedua	73
Tahun Ketiga	74
Senarai Perabot Dan Kelengkapan	75
Susun Atur Ruang Operasi	76
Penerangan Susun Atur	77
Jadual Perbelanjaan Operasi	78

## **RANCANGAN KEWANGAN**

Pengenalan Rancangan Kewangan	79
Kos Perlaksanaan Projek	80
Sumber Pembiayaan Projek	81
Jadual Susut Nilai Aset Tetap	82
Jadual Bayaran Balik Pinjaman	84
Penyata Aliran Tunai	85
Profoma Untung Rugi	
Tahun Pertama	86
Tahun Kedua	87
Tahun Ketiga	88
Kunci Kira-kira	
Tahun Pertama	89
Tahun Kedua	90
Tahun Ketiga	91
Titik Pulang Modal	92
 RUMUSAN	
LAMPIRAN	93

## **Pengenalan**

Pemberian cenderahati dan hadiah sudah menjadi amalan serta kemestian bagi masyarakat Malaysia samada peringkat pejabat, sekolah atau dikalangan ahli keluarga. Majlis-majlis atau upacara-upacara rasmi seialunya diakhiri dengan pemberian hadiah atau cenderahati kepada orang-orang tertentu.

Menyedari hakikat ini, kami telah bersetuju untuk memilih perniagaan yang menyediakan barang yang boleh diberi sebagai cenderahati atau hadiah sebagai Rancangan Perniagaan kami kerana kami yakin perniagaan ini dapat membawa keuntungan kepada kami disamping memudahkan pihak-pihak tertentu seperti pejabat kerajaan, swasta dan sebagainya untuk mencari cenderahati atau barang yang diperlukan. Kami lebih menumpukan perhatian dalam bidang pemasaran dan pengedaran memandangkan bidang ini amat penting dalam menentukan maju mundurnya sesebuah perniagaan.

Kami menyediakan pelbagai jenis barang seperti pewter, tembaga, kristal, dan model kenderaan. Barang seperti pewter, tembaga boleh diberikan kepada orang-orang tertentu dan istimewa. Barang model kenderaan ini boleh dihadiahkan kepada anak-anak oleh ibubapa, golongan remaja kepada rakan-rakan serta keluarga.

Sememangnya tumpuan pelanggan kami bukan sahaja orang pekerja atau orang perseorangan ietapi juga golongan remaja serta ibubapa. Saiz pasaran yang luas meyakinkan kami untuk menjalankan perniagaan kerana ia tidak dikawasan pejabat kerajaan, sekolah, kawasan perumahan serta kawasan untuk membeli belah.

Walaupun terdapat pesaing-pesaing yang berhampiran, namun kami amat yakin dengan produk yang kami bekalkan, suasana sekeliling dan hiasan kedai kami akan menjadi tumpuan dan daya tarikan kepada pengunjung-pengunjung yang datang dari pelbagai organisasi dan umur. Pekerja kami juga telah dilatih untuk memberikan layanan mesra kepada pelanggan yang datang.

Perniagaan kami diuruskan oleh seorang pengurus yang menyumbangkan RM 24000. Pegawai pemasaran juga menyumbangkan RM 24000. Perniagaan kami mempunyai seorang pegawai operasi yang ditugaskan untuk menguruskan tentang perjalanan barang-barang yang diambil dari pembekal. Ia boleh dilakukan dengan memastikan carta aliran proses yang dibuat itu berjalan dengan licin iaitu dapat digunakan dengan berkesan. Pegawai operasi juga perlu menguruskan tentang perbelanjaan operasi.

Pegawai pentadbiran pula bertugas untuk mengawal keadaan kedai, kemudahan asas dan juga memastikan kebajikan-kebajikan pekerja. Bagi memudahkan aktiviti pengedaran kami mempunyai sebuah van yang merupakan sumbangan dari pengurus kami.

Pegawai kewangan juga mempunyai tugas yang agak penting iaitu memastikan modal pusingan adalah mencukupi serta menyeimbangkan wang masuk dan wang keluar. Ketiga-tiga pegawai juga menyumbangkan modal sebanyak RM 24000.

Nama perniagaan kami adalah “De’ Ratna Collection” yang mempunyai motto “Segalanya bermula disini” .